

Kategori pendaftaran dan keperluan kelayakan untuk pendaftaran sebagai perunding dengan FIMM

Rule 3.1.1, 3.1.5 and 4.4.1(d)

Kategori Pendaftaran	Keperluan Kelayakan
Perunding	(1) Seseorang individu yang— a) berumur sekurang-kurangnya 21 tahun; b) memenuhi Fit and Proper kriteria seperti yang ditetapkan dalam Buku Peraturan FIMM (FIMM's Consolidated Rules (FCR)); c) memperolehi kredit dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran SPM atau kelayakan yang setaraf; dan d) lulus FIMM Combined Examination (FCE)* (kecuali yang telah diberikan pengecualian oleh pihak FIMM mengikut perenggan (2) di bawah). <i>*Semua bekas Perunding mesti menduduki semula dan lulus FCE kecuali diberikan pengecualian oleh pihak FIMM kepada individu layak seperti di perenggan (2) di bawah.</i> (2) Individu berikut boleh dikecualikan daripada FCE: a) Ketua Pegawai Eksekutif UTM, IUTA atau CUTA; b) Pengarah UTM, IUTA atau CUTA yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam industri amanah saham atau pengurusan dana; c) Pengurus dana yang memegang CMSRL untuk menjalankan aktiviti terkawal dalam pengurusan dana; d) Bekas Perunding yang— (i) memohon pendaftaran semula dalam tempoh 3 tahun dari tarikh penarikan balik pendaftarannya; dan (ii) memperolehi 16 mata CPD seperti yang dinyatakan dalam Bab 7 FCR sebagai ganti kepada menduduki semula dan lulus FCE; atau e) Individu yang memenuhi mana-mana kelayakan berikut: FPAM (i) Seorang CFP atau IFP dan ahli FPAM; atau (ii) Menyelesaikan sekurang-kurangnya 2 modul CFP iaitu <i>Foundation in Financial Planning</i> (Modul 1) dan <i>Investment Planning and Retirement Planning</i> (Modul 3), serta menjadi ahli bersekutu (associate) FPAM; (iii) Menyelesaikan sekurang-kurangnya 2 modul IFP iaitu <i>Shariah and Major Components of Islamic Financial Planning</i> (Modul 1) dan <i>Islamic Investment, Retirement,</i>

Kategori Pendaftaran	Keperluan Kelayakan
	<i>Zakat and Tax Planning</i> (Modul 3), serta menjadi ahli bersekutu (associate) FPAM; MFPC (i) Seorang RFP atau Syariah RFP, dan ahli biasa MFPC; (ii) Menyelesaikan sekurang-kurangnya 3 modul RFP iaitu <i>Fundamentals of Financial Planning</i> (Modul 1), <i>Investment Planning</i> (Modul 3) dan <i>Retirement Planning</i> (Modul 6), memperolehi Sijil Kecekapan dalam Perancangan Kewangan, serta menjadi ahli gabungan (affiliate) MFPC; (i) Menyelesaikan sekurang-kurangnya 3 modul Syariah RFP iaitu <i>Fundamentals of Syariah Financial Planning</i> (Modul 1), <i>Shariah Investment Planning</i> (Modul 3) dan <i>Retirement Planning</i> (Modul 6), memperolehi Sijil Kecekapan dalam Perancangan Kewangan, serta menjadi ahli gabungan (affiliate) MFPC; atau MFPAA (i) Seorang ChFC dan ahli MFPAA. PROGRAM PENGENALAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRSFP) PRSFP dibuka hanya untuk pendaftaran sebagai perunding Skim Persaraan Swasta (PRS) dan dibuka kepada individu berkeelayakan yang mempunyai pengalaman berkaitan dan kelayakan profesional berikut: (i) Perunding Unit Amanah (UTC) - Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai UTC sehingga tarikh yang ditetapkan* (<i>rujuk nota dibawah</i>); - Status pendaftaran dengan FIMM adalah aktif; - Memenuhi Fit and Proper kriteria dengan FIMM; dan - Memperolehi kredit dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran SPM atau kelayakan yang setaraf. (ii) Ejen Insurans (IA) - Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai ejen insurans sehingga tarikh yang ditetapkan* (<i>rujuk nota dibawah</i>); - Status pendaftaran dengan LIAM adalah aktif; - Memenuhi Fit and Proper kriteria dengan FIMM; - Memperolehi kredit dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran SPM atau kelayakan yang setaraf; dan - Memegang salah satu daripada kelayakan sijil berikut:

Kategori Pendaftaran	Keperluan Kelayakan
	○ Lulus Peperiksaan Sijil Insurans Hayat Berkaitan Pelaburan (CEILLI); ATAU ○ Lulus Peperiksaan Asas Takaful (TBE) Bahagian A & Bahagian C (dikeluarkan mulai tahun 2012); ATAU ○ Memegang Sijil daripada Persatuan Takaful Malaysia (MTA) – Am & Keluarga (dikeluarkan sebelum tahun 2012). (iii) Kakitangan Broker Takaful • Memegang CMSRL untuk urusan PRS; • Memenuhi Fit and Proper kriteria dengan FIMM; • Lulus peperiksaan kelayakan berkaitan; dan • Memperolehi kredit dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran SPM atau kelayakan yang setaraf. <i>Nota: *Untuk tarikh kelayakan bagi PRSFP, sila rujuk kepada pekeliling yang akan dikeluarkan oleh FIMM pada setiap tahun melalui pautan dibawah.</i> https://www.fimm.com.my/regulations/all-circulars/.

Penafian (Disclaimer):

Untuk rujukan rasmi, jika terdapat perbezaan tafsiran antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan dianggap sebagai versi muktamad.